

Enam empangan catat penurunan

» SPAN arah kerajaan negeri siap sedia, pantau bacaan paras air

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof,
Muhammad Yusri Muzamir
dan Akmal A Manaf
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Enam empangan di lima negeri mula mencatatkan penurunan air hingga berbaki hanya 20 peratus ketika ini akibat cuaca panas yang melanda negara, sekali gus boleh menjejaskan bekalan air di kawasan terbabit.

Penurunan itu mencatatkan bacaan berada pada paras bahaya dan tindakan alternatif bagi membendung masalah itu perlu dilaksanakan secepat mungkin.

Empangan Gemencheh, Negeri Sembilan mencatatkan penurunan 79.6 peratus manakala Empangan Mengkuang, Pulau Pinang (65.4 peratus); Empangan Teriang, Pahang (65.2 peratus); Empangan Sungai Lebam Johor

(50.8 peratus); Empangan Sungai Layang, Johor (43.8 peratus) dan Empangan Padang Saga, Kedah (47.2 peratus).

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Datuk Ismail Kassim berkata, pihaknya sudah mengarahkan syarikat konsesi air di setiap negeri memantau bacaan paras di empangan sebagai persediaan menghadapi musim panas.

Selain itu, katanya, kerajaan negeri bertanggungjawab memastikan bekalan air di negeri masing-masing mencukupi agar tidak berlaku gangguan sepanjang musim berkenaan.

"Saya mencadangkan kerajaan negeri menggunakan alternatif seperti air bawah tanah dan kolam takungan bagi menambah kuantiti sumber air sedia ada, selain persediaan sekiranya pengurangan paras air berterusan.

"SPAN juga akan melakukan beberapa langkah lain antaranya pembenihan awan bagi menghasilkan hujan, sekiranya cuaca panas berlanjutan bagi suatu tempoh yang lama," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Empangan Sungai Lebam bawah paras kritikal
Di Johor Bahru, SAJ Holdings



Tinjau paras air di kawasan tadahan Empangan Sungai Selangor Kuala Kubu Bharu kelihatan **mulai surut akibat cuaca panas melampau yang melanda Malaysia.**
[FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]

Sdn Bhd (SAJ) memaklumkan Empangan Sungai Lebam antara kawasan tadahan air yang dikenal pasti mengalami kemerosotan dengan bacaan terkini 11.75 meter iaitu di bawah paras kritikal 12.27 meter.

"Empangan berkenaan menyalurkan air mentah ke loji Sungai Lebam untuk penduduk di kawasan Sungai Rengit, Belungkor, Gugusan Adela, Pengerang, Bandar Penawar, Sungai Mas, Gugu-

san FELDA Air Papan dan Air Tawar 5," katanya menerusi kenyataan, semalam.

SAJ berkata, di Muar, fenomena cuaca kering dan air pasang yang sedang berlaku di Sungai Muar, mengubah kualiti air sungai terbabit terutama di huluan.

"Sekiranya kedua-dua fenomena ini berterusan, berkemungkinan air laut masuk ke muka sauk loji rawatan air di sepanjang sungai terbabit akan mengakibatkan

kan sebahagian Muar mengalami masalah bekalan air dari segi jumlah dan mutu," katanya.

Kelmarin, *BH* melaporkan, cuaca panas dan kering dengan kadar hujan yang rendah melanda negara, dijangka berterusan hingga awal April depan. Ia berikutan, Malaysia kini berada pada peringkat akhir musim Monsun Timur Laut sebelum memasuki musim panas antara Mac hingga April.

Cuaca panas hingga hujung Mac

Di Putrajaya, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail, berkata cuaca panas dan kering yang kini dialami kebanyakan kawasan di dalam negara adalah fenomena fasa akhir musim tengkujuh dan diramal berlaku sehingga penghujung Mac.

"Kini penghujung Monsun Timur Laut menyebabkan kebanyakan kawasan kurang menerima hujan dalam tempoh yang panjang, sekali gus menjurus kepada berlakunya cuaca panas dan kering," katanya selepas menghadiri Majlis Penyampaian Amanat 2015 oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin di sini, semalam.